

## KENYATAAN MEDIA

**UNTUK SIARAN SEGERA**

### MISI YAYASAN JCORP UNTUK MEMASTIKAN PELAJAR IPT TERIMA BANTUAN AWAL PENGAJIAN

**JOHOR BAHRU, 22 JULAI 2021** – Dalam usaha membela nasib pelajar khususnya golongan berpendapatan rendah (B40), terutamanya mereka yang terkesan akibat pandemik Covid-19, Yayasan Johor Corporation (Yayasan JCorp) telah memperkenalkan inisiatif Bantuan Awal Pendidikan.

Inisiatif tersebut diperkenalkan bagi membantu mengurangkan bebanan perbelanjaan ibu bapa serta penjaga terhadap tanggungan semasa pendaftaran anak mereka ke institusi pengajian tinggi (IPT) sementara menunggu pinjaman pendidikan dan biasiswa yang diluluskan.

Sejak dilancarkan pada 2017 sehingga Jun 2021, seramai lebih 800 pelajar dari seluruh negara telah menerima manfaat menerusi Bantuan Pendidikan Yayasan JCorp ini di mana sejumlah RM330,000 telah digunakan bagi bantuan tersebut.

Inisiatif Yayasan JCorp tersebut mensasarkan penerima dalam kumpulan keluarga B40 dan purata pendapatan isi rumah di bawah RM800 berdasarkan jumlah tanggungan keluarga.

Menurut Pengerusi Yayasan JCorp, Encik Rozaini Mohd Sani, “Bantuan awal pendidikan ini diberikan berdasarkan syarat kelayakan pendapatan bulanan isi rumah. Bantuan ini adalah terbuka kepada pelajar warganegara Malaysia yang bakal melanjutkan pengajian ke peringkat Sijil dan Diploma serta Sarjana Muda dan Sarjana (Master) di IPT sepenuh masa dengan masing-masing layak menerima sebanyak RM700 dan RM1,000 setiap seorang”.

Setiap permohonan bantuan awal pendidikan yang diterima akan melalui proses saringan oleh jawatankuasa khas yang ditubuhkan.

“Kami berharap inisiatif ini sedikit sebanyak dapat meringankan bebanan ibu bapa serta keluarga pelajar yang terjejas akibat pandemik Covid-19 untuk membiayai kos permulaan anak mereka ke universiti,” tambah beliau.

Sementara itu, Yayasan JCorp turut mengalu-alukan sumbangan orang ramai untuk aktiviti Bantuan Pendidikan ini melalui akaun Bank Islam: Yayasan Johor Corporation (01014010027795). Setiap sumbangan akan mendapat pelepasan cukai 10% daripada pendapatan agregat individu dan syarikat.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai Bantuan Pendidikan Yayasan JCorp ini, pemohon boleh melayari laman web Yayasan JCorp: <http://www.yayasanjcorp.com.my/>. Permohonan atas talian juga boleh dibuat melalui Facebook Page Yayasan JCorp: <https://www.facebook.com/yayasanjohorcorporation/>.



## **KAPSYEN FOTO:**

*NUR QISTINA AIMAN MOHAMMED AMRAN (kanan) bersama bapanya antara penerima Bantuan Awal Pendidikan sumbangan Yayasan JCorp bagi membiayai kos awal kemasukan ke Universiti Teknologi MARA Melaka dalam bidang Sarjana Muda Sains Pentadbiran.*

FOTO Yayasan JCorp

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

### **Yayasan Johor Corporation**

Tel : 07 – 219 2692

Emel : [yayasanjcorp@jcorp.com.my](mailto:yayasanjcorp@jcorp.com.my)

## **MENGENAI YAYASAN JOHOR CORPORATION**

Yayasan Johor Corporation (Yayasan JCorp) merupakan sebuah organisasi yang ditubuhkan oleh Johor Corporation pada tahun 1997. Yayasan JCorp berperanan dalam melaksanakan aktiviti tanggungjawab korporat Johor Corporation yang melibatkan pelajar sekolah dan universiti, guru-guru, ibu bapa serta seluruh masyarakat melalui empat bidang fokus utama iaitu:-

1. Pendidikan.
2. Seni, Budaya dan Warisan.
3. Alam Sekitar.
4. Kesejahteraan Komuniti.

Hampir RM4.6 juta diperuntukan setahun bagi menjayakan aktiviti-aktiviti tersebut. Dana ini diperolehi dari sumbangan syarikat kumpulan Johor Corporation iaitu Kulim (Malaysia) Berhad, KPJ Healthcare Berhad, QSR Brands (M) Holdings Berhad, Johor Land Berhad dan Damansara Assets Sdn Bhd.